

PULAU LANKAYAN : *BUSINESS & CONSERVATION*

Pulau Lankayan yang terletak dalam kawasan SIMCA merupakan sebuah pusat pelancongan yang terkenal. Antara tarikan yang terdapat di pulau ini termasuklah pantainya yang putih dan bersih, perairan yang jernih dan cantik, dan kemudahan menyelam. Pembangunan pulau ini juga menitikberatkan konsep eko-pelancongan, di mana aspek pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dan hidupan liar diberi perhatian. Tapak penetasan telur penyu disediakan di pulau ini di samping aplikasi sistem hidroponik untuk air kumbahan. Justeru, Reef Guardian (RG) Sdn. Bhd. yang diberi konsesi untuk membangunkan kepulauan SIMCA telah mengamalkan konsep "*business and conservation*". Pembangunan pulau pelancongan ini bukan bermatlamatkan keuntungan semata-mata tetapi juga menjaga dan melindungi pulau ini dan pulau-pulau lain di dalam SIMCA.

Pulau Lankayan merupakan sebuah pusat yang melindungi habitat penyu. Telur penyu dilindungi, iaitu disimpan di dalam lubang penetasan yang digali khas. Langkah ini bertujuan melindungi telur penyu daripada diambil oleh manusia atau dimakan oleh pemangsa. Lubang yang digali khas adalah sedalam setengah meter. Setelah penyu bertelur, telur-telur penyu akan dipindahkan oleh kakitangan RG ke tapak penetasan. Setelah telur-telur ini disimpan di dalam lubang yang digali khas, lubang ini akan ditimbus semula dan dilabelkan dengan spesies penyu, tarikh diletak, bilangan telur, dan nombor lubang yang digali. Tapak penetasan telur penyu ini merupakan kawasan larangan, di mana para pelancong dan pelawat tidak dibenarkan memasuki kawasan tersebut. Lazimnya telur penyu akan menetas selepas dua bulan. Sehubungan dengan itu, kakitangan RG akan membuat pemeriksaan dari masa ke semasa dan tand-tanda bahawa telur akan atau telah menetas ialah lapisan atas lubang yang digali adalah lebih lembut berbanding dengan kawasan sekitarnya.

Penyu merupakan sejenis hidupan yang unik. Jantina penyu ditentukan oleh suhu persekitaran semasa telur penyu menetas. Sekiranya keadaan persekitaran adalah panas, maka jantina anak penyu adalah betina manakala suhu yang rendah pula akan menghasilkan penyu jantan. Selepas telur-telur penyu menetas, anak-anak penyu akan dilepaskan ke lautan. Setelah anak penyu merangkak keluar daripada lubang penetasan, anak penyu akan dikumpulkan dalam satu besen sebelum dilepaskan ke lautan. Ketika proses penetasan, para pelancong dilarang sama sekali mengambil gambar menggunakan '*flash*' bagi mengelakkan apa-apa kejutan terhadap anak penyu. Semasa anak penyu dilepaskan ke laut pula, para pelancong tidak dibenarkan menyentuh atau memegang anak penyu. *Survival rate* bagi penyu-penyu yang dilepaskan ke lautan cuma 1%. Penyu-penyu yang berjaya berenang laju dan melepasi pemangsa untuk meneruskan kelangsungan hidupnya akan berada di lautan untuk satu tempoh yang dikenali sebagai '*lost years*'. Dalam tempoh *lost years* ini, apa yang berlaku terhadap penyu-penyu ini adalah tidak diketahui. Peluang untuk bertemu semula dengan penyu-penyu yang telah dilepaskan ke lautan adalah apabila penyu ini naik ke daratan untuk bertelur. Jangka hayat bagi penyu adalah lebih kurang 60 tahun. Oleh sebab itu, adalah penting bagi kita memainkan peranan masing-masing untuk melindungi hidupan ini.

Selain daripada menyediakan tempat perlindungan bagi penyu, RG juga menjalankan sistem hidroponik untuk merawat air kumbahan. Sistem rawatan hidroponik ini telah dilaksanakan semenjak tahun 2004. sistem ini bertujuan untuk mengawal pencemaran air yang boleh membawa kesan yang buruk terhadap hidupan akuatik sekiranya air kumbahan disalurkan terus ke laut tanpa dirawat. Air yang dirawat melalui sistem ini digunakan untuk menanam tumbuhan seperti keladi dan teratai di samping untuk menyiram bunga.

RG menjalankan langkah-langkah yang sesuai untuk memelihara hidupan akuatik terutamanya terumbu karang. Terumbu karang adalah hidupan yang sensitif, misalnya jika dipijak akan patah dan mengambil masa yang lama untuk tumbuh semula. Sekiranya terkena bom ikan, terumbu karang akan mati. Sekiranya terkena gas beracun, terumbu karang akan menjadi putih dan mengalami “bleaching” dan seterusnya akan mati. Ancaman terhadap terumbu karang akan menyebabkan hidupan akuatik yang lain seperti ikan dan penyu kehilangan habitat dan tempat membiak. Justeru, para pelancong yang melakukan aktiviti *snorkeling*, berenang dan menyelam diingatkan untuk tidak memijak, memegang atau menyentuh terumbu karang.

RG juga menjalankan perondaan di kawasan perairan SIMCA untuk mengesan sekiranya berlaku pencerobohan oleh nelayan ke dalam kawasan perairan di samping memeriksa sama ada peralatan dan bahan-bahan seperti bom ikan digunakan atau tidak. Sekiranya didapati nelayan menggunakan peralatan dan bahan-bahan yang dilarang, peralatan dan bahan ini akan dirampas dan tindakan susulan boleh dikenakan terhadap nelayan terbabit.

Pantai dan lautan adalah kawasan yang berpotensi bagi menjana sumber pendapatan kepada negara misalnya melalui industri pelancongan. Konsep pembangunan yang diamalkan oleh RG patut diperluas amalannya untuk memastikan kawasan pelancongan yang ada di negara kita bukan sahaja penting untuk menjana pendapatan tetapi juga berperanan memelihara dan memulihara alam sekitar.

Disediakan oleh,

Julaini Marius & Weinne Panjang
5 Rasional 2008
SMK Sandakan
Julai/Ogos 2008

